

**KEBERKESANAN TEKNIK SAMSMT JADUAL BERGAMBAR DALAM  
MEMBINA AYAT GRAMATIS DALAM KALANGAN MURID  
SJK (TAMIL) TAHAP DUA**

**Indradevi Krishnasamy<sup>1\*</sup>, Suppiah Nacciappan<sup>2</sup>, & Mohd Razimi Husin<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> SJKT Mukim Pundut, Manjung, Perak, Malaysia

<sup>2 & 3</sup> Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding email: *sweethy143@gmail.com*

**Published:** 11 November 2024

**To cite this article (APA):** Krishnasamy, I., Nacciappan, S., & Husin, M. R. (2024). Keberkesanan Teknik SAMSMT Jadual Bergambar dalam Membina Ayat Gramatis dalam Kalangan Murid SJK (Tamil) tahap dua. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17, 80–88. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp2.8.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp2.8.2024>

**ABSTRACT**

Kemahiran menulis ayat gramatis ialah suatu aspek teras yang perlu dikuasai oleh murid dalam sesuatu penulisan. Dalam kajian ini, teknik SAMSMT Jadual Bergambar diperkenalkan kepada murid tahap dua SJK (Tamil) bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membina ayat gramatis dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini melibatkan seramai 12 orang murid tahap dua dari sebuah sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) di daerah Manjung, Perak. Data yang dikumpul melalui kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual telah dianalisis bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Dapatkan kajian menunjukkan teknik SAMSMT Jadual Bergambar dapat meningkatkan kemahiran membina ayat gramatis serta minat dan keseronokkan murid. Kesimpulannya, teknik SAMSMT Jadual Bergambar dapat membantu murid dalam kemahiran menulis ayat gramatis dengan mudah. Diharapkan kajian ini dapat memberi implikasi yang positif kepada guru dalam usaha membantu murid membina ayat gramatis bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

**Kata kunci:** Ayat gramatis, teknik SAMSMT Jadual bergambar, tahap dua

**PENGENALAN**

Bahasa Melayu merupakan matapelajaran teras dalam sistem pendidikan di Malaysia dan kemahiran menulis pula salah satu kemahiran yang penting dalam Bahasa Melayu. Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh semua murid. Hasil penulisan yang baik akan memudahkan proses menimba pelbagai ilmu. Kelemahan dalam penguasaan kemahiran menulis akan menjelaskan proses penghasilan sesebuah karya penulisan yang cemerlang khususnya dalam matapelajaran Bahasa Melayu.

Berdasarkan pemerhatian tingkah laku murid SJK(Tamil), pengkaji mendapati kebanyakkan murid tahap dua mempunyai tahap penguasaan Bahasa Melayu yang sederhana. Selain itu, hasil daripada semakan latihan kerja murid dan ujian diagnostik, 12 orang murid kelas ini didapati agak pasif dan lemah dalam membina ayat yang gramatis. Pengkaji turut menemu bual beberapa orang murid tahap dua.

Semasa Pengajaran dan pemudahcaraan dijalankan, terdapat beberapa orang murid tertentu sahaja yang aktif menyuarakan idea mereka melainkan semuanya pasif. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk menggunakan teknik SAMSMT Jadual Bergambar bagi mengatasi masalah yang berlaku. Suasana pembelajaran yang menyeronokkan perlu ditambahbaik kerana murid yang aktif dilihat dapat

membantu untuk mencetuskan idea kepada rakan-rakannya yang lain (Aminudin, 2023). Kaedah yang pelbagai dapat memupuk murid-murid membina ayat gramatis secara aktif dan secara kolaboratif serta dapat mewujudkan peluang yang lebih baik kepada murid (Rahman ,2023).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Mata pelajaran Bahasa Melayu sering dianggap bahasa yang paling sukar untuk dikuasai bagi murid-murid di SJK(Tamil). Bahasa Melayu dikategorikan sebagai bahasa kedua dan disebut sebagai bahasa ibunda yang diberi keutamaan dalam kalangan murid SJK(Tamil). Kesukaran untuk berkomunikasi dan memahami Bahasa Melayu yang menjadikan mata pelajaran Bahasa Melayu tidak digemari oleh murid. Pengkaji berpeluang untuk mengajar dan dapat melihat kesukaran murid SJK(Tamil) tahap dua untuk menulis ayat Bahasa Melayu. Murid tidak dapat menghasilkan ayat gramatis tanpa kesalahan yang ketara sehingga menimbulkan kerisauan dalam diri mereka. Sebagai guru mata pelajaran Bahasa Melayu pengkaji mendapati muridSJK(Tamil) tahap dua mempunyai masalah dalam membina ayat gramatis. Keputusan ujian diagnostic membuktikan markah murid masih tidak mencapai tahap memuaskan.

Pengkaji mendapati bahawa ini merupakan satu masalah utama memandangkan markah untuk bahagian A yang berjumlah 10 markah. Pengkaji juga berhadapan dengan 12 orang murid yang mempunyai tahap penguasaan Bahasa Melayu yang minimum. Murid mengalami masalah untuk memahami arahan dan ini menyebabkan sesi pembelajaran mereka terganggu dan tidak berkesan. Pengkaji menyedari murid SJK(Tamil) tahap dua juga tidak yakin dalam membina ayat gramatis dan perlu dibimbing bagi membantu mereka menulis yang gramatis.

## **OBJEKTIF**

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Meningkatkan kemahiran bina ayat gramatis menggunakan teknik SAMSMT Jadual Bergambar dalam kalangan murid tahap dua.
2. Teknik SAMSMT Jadual Bergambar dapat meningkatkan minat murid tahap dua dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
3. Mewujudkan suasana pengajaran dan pemudahcaraan yang lebih menyeronokkan dengan penggunaan teknik SAMSMT Jadual Bergambar dalam kalangan murid tahap dua.

## **METODOLOGI**


### **PESERTA SASARAN**

Peserta kajian terdiri daripada 12 orang murid dari tahap dua. Mereka terdiri daripada murid yang berpencapaian rendah berdasarkan ujian diagnostik tahun 2023 dan semasa mempelajari membina ayat dalam matapelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas.

### **TINDAKAN YANG DIJALANKAN**

Kajian ini berpandukan kepada model Penyelidikan Tindakan Lewin (1946) & Laidlaw (1992). Model ini terdiri daripada lima lingkaran tindakan yang bermula dengan mengenal pasti aspek amalan, diikuti merancang tindakan, melaksanakan tindakan, mengumpul data dan membuat refleksi setelah kajian dilakukan. Lingkaran ini boleh berulang ke lingkaran kedua dan ketiga dan seterusnya sehinggalah masalah yang dihadapi sselasai. Rajah 1 merupakan prosedur tindakan yang dilakukan oleh pengkaji dalam kajian ini berpandukan model Lewin (1946) & Laidlaw (1992).

Melaksanakan teknik SAMSMT Jadual Bergambar sebanyak 2 kali seminggu. Setiap murid diminta melengkapkan jadual dalam masa 10 minit. Murid yang melengkapkan jadual dengan betul akan diberi ganjaran dengan membuat cabutan bertuah. Tujuan teknik ini adalah untuk menggalakkan murid berfikir secara aktif dan kolaboratif serta seronok untuk belajar di dalam kelas. Apabila seronok, murid akan cuba belajar kemahiran yang disampaikan oleh guru dengan cepat dan mudah tanpa berlakunya paksaan dalam diri murid untuk belajar sesuatu yang baru.



RAJAH 1: Langkah-Langkah Kajian Tindakan (Lewin (1946) & Laidlaw (1992).

## DAPATAN KAJIAN

Penggunaan teknik SAMSMT Jadual Bergambar mampu meningkatkan kemahiran membina ayat murid tahap dua untuk membina ayat gramatis dalam Bahasa Melayu seperti yang terdapat dalam jadual 1.

**Meningkatkan kemahiran membina ayat gramatis menggunakan teknik SAMSMT Jadual Bergambar dalam kalangan murid SJK (Tamil) tahap dua.**

**Jadual 1:** Perbandingan Pencapaian murid dalam Diagnostik (Ujian Pra), Bulanan 1 dan 2 (Ujian Pos) 2023

Sampel Murid	Diagnostik (10 markah) (Ujian Pra)- Februari	Ujian Bulanan 1 (10 markah) (Ujian Pos 1)- Mac	Ujian Bulanan 2 (10 markah) (Ujian Pos 2)- April
A	1	3	4
B	2	4	5
C	1	3	5
D	0	2	4
E	2	3	5
F	2	5	7
G	1	2	4
H	3	5	8
I	2	4	8
J	1	3	4
K	2	5	8
L	2	4	6

Berdasarkan analisis pengskoran dalam Jadual 1, didapati berlaku peningkatan markah bagi murid kelas ini. Seramai 8 orang murid iaitu 67% murid telah mendapat pengskoran tahap baik. Hanya 4 orang sahaja lagi berada pada tahap baik iaitu sebanyak 33%. Secara keseluruhannya penggunaan kaedah ini berkesan kerana telah berlaku peningkatan yang positif dalam kalangan pengskoran murid SJK(Tamil) tahap dua.

### Analisis Diagnostik (Ujian Pra)

**Jadual 2:** Markah Pencapaian dengan penggunaan teknik SAMSMT Jadual Bergambar

Markah Pencapaian	Bilangan Pelajar
0	1
1	4
2	6
3	1

Kesemua murid yang mendapati masih lemah menulis ayat gramatis untuk mendapatkan markah pencapaian yang baik (Jadual 2). Dapatkan kajian ini jelas menunjukkan masih menghadapi masalah untuk menulis ayat gramatis.

**Jadual 3:** Peningkatan Markah Pencapaian Ujian Pos 1


Markah Pencapaian	Bilangan Pelajar
2	2
3	4
4	3
5	3

Dalam Jadual 3, Semua murid telah menunjukkan peningkatan markah pencapaian selepas menggunakan teknik SAMSMT Jadual bergambar.

**Jadual 4:** Peningkatan Markah Pencapaian Ujian Pos 2

Markah Pencapaian	Bilangan Pelajar
4	4
5	3
6	1
7	1
8	3

Pencapaian murid SJK(Tamil) tahap dua terhadap keberkesanan penggunaan teknik SAMSMT Jadual bergambar dapat dilihat berdasarkan peningkatan markah. Dapatkan ujian pos satu dan ujian pos dua telah membuktikan bahawa tahap penguasaan murid untuk menulis ayat gramatis baik. Hasil dapatkan, Jadual 1, Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4 masing-masing menunjukkan keberkesanan selepas penggunaan Teknik Jadual Bergambar dengan wujudnya peningkatan markah berdasarkan penulisan ayat gramatis dalam kalangan murid SJK(Tamil) tahap dua.



**GRAF 1: Graf Pencapaian murid dalam Diagnostik (Ujian Pra), Bulanan 1 dan 2 (Ujian Pos 1 dan 2) 2023**

#### Analisis Temu Bual

Seramai tiga orang murid yang mendapat markah memuaskan daripada data awal gagal untuk menulis ayat untuk mendapatkan maklum balas sebagai bukti keberkesanan teknik SAMSMT Jadual Bergambar. Murid disoalkan secara tidak berstruktur untuk mendapatkan hasil respons mereka sebagai peserta kajian tindakan ini.

**Meningkatkan minat semasa membina ayat gramatis menggunakan teknik SAMSMT Jadual Bergambar dalam kalangan murid SJK(Tamil) tahap dua.**

**Jadual 5:** Transkrip temubual tidak berstruktur

Cikgu	Murid C, cikgu nampak penggunaan Teknik SAMSMT Jadual Bergambar ini dapat membantu untuk meningkatkan markah penulisan ayat anda.
Murid C	Ya, cikgu. Penggunaan teknik SAMSMT Jadual bergambar dapat membantu saya untuk membuka ruang bagi mengatasi masalah menulis ayat dengan mudah.
Cikgu	Bagaimana pula dengan pendapat kamu, Murid I tentang penggunaan Teknik SAMSMT Jadual Bergambar ini?
Murid I	Saya berasa mudah dan senang bagi memahami teknik SAMSMT Jadual bergambar ini untuk membina ayat dan masalah saya dapat diatasi sehingga Berjaya menulis ayat sehingga mendapat lapan markah berbanding sebelum ini hanya mendapat dua markah Sahaja.
Cikgu	Murid K, cikgu perhatikan pengkoran kamu telah meningkat dari ujian Diagnostik iaitu dari dua markah sehingga berjaya menulis ayat sehingga mendapat lapan markah.

*bersambung*

---

Murid K Cikgu, saya berasa bersyukur kepada tuhan kerana adanya Teknik ini maka masalah salah untuk menulis ayat dapat diatasi dan bahagian karangan juga dapat saya tulis dengan hanya mengikuti Teknik SAMSMT Jadual Bergambar ini.

---

Cikgu pun berasa gembira dan terharu dengan respons anda semua Dimana Teknik SAMSMT Jadual Bergambar ini Berjaya mengatasi masalah ini. Teruskan penggunaan Teknik ini sehingga mendapat markah yang lebih baik lagi.

---

Temubual dengan tiga orang murid dapat memberi kesan yang baik terhadap penggunaan teknik SAMSMT Jadual Bergambar. Penggunaan teknik ini memudahkan mereka untuk membina ayat yang gramatis. Murid-murid yang ditemubual ini bersetuju bahawa mereka minat dalam penggunaan teknik SAMSMT Jadual Bergambar telah membantu mereka menulis ayat gramatis. Namun pada pendapat seorang murid SJK(Tamil) tahap dua, perlu memperbanyakkan kata kerja bergambar bagi memudahkan murid mengingati dan dapat menggunakan semasa menulis ayat gramatis.

### **Analisis Pemerhatian**

**Jadual 6:** Bilangan murid menggunakan teknik SAMSMT Jadual Bergambar

Respon	Awal Penggunaan	Akhir Penggunaan
Cemerlang	0	3
Baik	0	2
Memuaskan	1	3
Lemah	11	0

Daripada hasil penggunaan teknik SAMSMT Jadual bergambar, didapati hampir semua murid menguasai kemahiran menulis ayat gramatis dengan mudah seperti dalam Jadual 6. Dapatkan ini menunjukkan teknik SAMSMT Jadual Bergambar mendapat meningkatkan minat dan mengekalkan suasana seronok dalam kalangan murid SJK(Tamil) tahap dua untuk memahami dan mengaplikasikan teknik SAMSMT Jadual Bergambar semasa menulis ayat gramatis.

## **PERBINCANGAN**

### **Implikasi Terhadap Peserta Kajian**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, didapati murid lebih berminat menggunakan teknik SAMSMT Jadual Bergambar untuk membina ayat mereka. Murid juga lebih seronok untuk melengkapkan jadual dengan teknik SAMSMT Jadual Bergambar, iaitu hanya mengisi kotak untuk menghasilkan ayat gramatis.

### **Implikasi Terhadap Amalan Kendiri**

Kajian ini memberi kesan kepada saya dalam amalan bilik darjah iaitu dapat meningkatkan minat untuk dan dapat mewujudkan kepercayaan diri dalam setiap murid untuk menulis ayat gramatis dengan mudah dan senang.

### **Implikasi Terhadap Kurikulum**

Kewujudan bahan bantu mengajar seperti jadual dengan teknik SAMSMT Jadual Bergambar boleh membantu sekolah meningkatkan prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu pada tahap yang amat baik. Pada awal kajian ini, pengkaji dapati subjek kajian kurang memberi kerjasama dan perhatian semasa perbincangan. Apabila disoal, mereka hanya memberi jawapan tidak tahu sahaja. Mereka kurang memberi tumpuan semasa kami memberi penerangan. Pengkaji telah membuat teguran terhadap sikap

mereka ini. Selepas beberapa siri pengajaran pembelajaran menggunakan teknik ini, mereka telah menunjukkan respon yang positif. Mereka telah berminat dalam aktiviti perbincangan.

Pengkaji sangat berpuas hati dengan sikap yang mereka tunjukkan itu serta peningkatan pencapaian mereka. Didapati penggunaan kaedah bina pelan maklumat dan kata tanya dalam kajian ini ada memberi kesan yang positif terhadap pemahaman murid-murid. Teknik ini dapat mempertingkatkan pengskoran mereka ke tahap yang lebih cemerlang lagi. Pengkaji juga berpuas hati dengan hasil kajian ini kerana teknik yang digunakan dalam amalan pengajaran kami telah menampakkan hasil yang memberansangkan berbanding dengan kaedah yang digunakan sebelum ini.

Pengkaji bercadang untuk menggunakan teknik ini untuk membina ayat dalam Bahagian A (Adrian Steward Ngau. (2010). Pada persepsi pengkaji, teknik ini juga sesuai digunakan untuk menulis ayat gramatis. Kami juga akan terus menggunakan teknik ini dalam Penulisan Bahasa Melayu kerana kaedah ini dapat memudahkan murid menguasai kemahiran untuk menghasilkan ayat yang baik.

Kajian ini didapati sebagai seorang guru, kita perlu mempelbagaikan teknik pengajaran-pembelajaran. Setiap teknik yang kita gunakan ada kelebihan dan kelemahannya untuk digunakan kerana setiap orang murid kita berbeza dari berbagai segi. Pengkaji berpuas hati dengan kajian ini kerana hasilnya telah memberi petanda yang baik untuk meneruskan lagi penyelidikan kami.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati murid lebih berminat dalam menggunakan teknik SAMSMT Jadual Bergambar untuk membina ayat gramatis. Murid juga lebih seronok untuk melengkapkan jadual dengan teknik SAMSMT Jadual bergambar iaitu hanya melengkapkan kertas Laminated berdasarkan kata kerja dalam gambar bina ayat untuk menghasilkan ayat gramatis.

Kajian ini memberi kesan kepada saya dalam amalan bilik darjah iaitu dapat meningkatkan minat untuk dan dapat mewujudkan kepercayaan diri dalam setiap murid untuk menulis ayat gramatis dengan mudah dan senang.

Kewujudan bahan bantu mengajar seperti jadual dengan teknik SAMSMT Jadual bergambar boleh membantu sekolah meningkatkan prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu pada tahap yang baik. Pada awal kajian ini, pengkaji mendapati subjek kajian ini kurang memberi kerjasama dan perhatian semasa perbincangan. Apabila disoal, mereka hanya memberi jawapan tidak tahu sahaja. Mereka kurang memberi tumpuan semasa kami memberi penerangan. Pengkaji telah membuat teguran terhadap sikap mereka ini. Selepas beberapa siri pengajaran pembelajaran menggunakan teknik ini, mereka telah menunjukkan respon yang positif. Mereka telah berminat dalam aktiviti perbincangan.

Pengkaji sangat berpuas hati dengan sikap yang mereka tunjukkan itu serta peningkatan pencapaian mereka. Didapati penggunaan kaedah bina pelan maklumat dan kata tanya dalam kajian ini ada memberi kesan yang positif terhadap pemahaman murid-murid. Teknik ini dapat mempertingkatkan pengskoran mereka ke tahap yang lebih cemerlang lagi. Pengkaji juga berpuas hati dengan hasil kajian ini kerana teknik yang digunakan dalam amalan pengajaran kami telah menampakkan hasil yang memberansangkan berbanding dengan kaedah yang digunakan sebelum ini.

Pengkaji bercadang untuk menggunakan teknik ini untuk membina ayat (Ahmad, N., & Ibrahim, R. (2023). Pada persepsi pengkaji, teknik ini sesuai digunakan untuk menulis ayat gramatis dengan hanya melengkapkan jadual. Kami juga terus menggunakan teknik ini dalam Penulisan Bahasa Melayu kerana kaedah ini dapat memudahkan murid menguasai kemahiran untuk menghasilkan ayat yang baik.

Kajian ini didapati sebagai seorang guru, kita perlu mempelbagaikan teknik pengajaran-pembelajaran. Setiap teknik yang kita gunakan ada kelebihan dan kelemahannya untuk digunakan kerana setiap orang murid kita berbeza dari berbagai segi. Pengkaji berpuas hati dengan kajian ini kerana hasilnya telah memberi petanda yang baik untuk meneruskan lagi penyelidikan kami.

## RUJUKAN

- Abdul, R.J. (2011). *Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah di Luar Bandar*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1(1), 60-86.
- Ahmad, N., & Ibrahim, R. (2023). Kemahiran Menulis Ayat Gramatis. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 34-45.
- Adrian Steward Ngau. (2010). Kesan Rumus Pelaku, Perbuatan, Huraian“ Dalam Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Karangan Bahagian A UPSR Bahasa Melayu Murid Tahun 4.
- Buku Koleksi Artikel Penyeidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), 27-36.
- Aminudin. (2023). Pembelajaran menyeronokkan pikat murid. \*Cikgu Share\*. Retrieved from <https://www.cikgushare.my>.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan pelaksanaan kursus penyelidikan tindakan maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiranmenulis di sekolah rendah*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1 (1): 67–87.
- Chew, F.P. (2016). *Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu- JPBM, 6(2), 10-22.
- Gan Teck Hock. (1999). *Mencari titik perseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran di sekolah rendah*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak, Jilid 2, No 1, 68-85.
- Haji Razali Yahya. (2010). *Bina Ayat Imperatif Tahun 4, 5 dan 6*. Serdang: Cemerlang Sdn. Bhd.
- Jamila K.A. Mohamed. (2005). *Pendidikan khas untuk kanak- kanak istimewa*. Batu Caves: PTS Professinal Sdn Bhd.
- Jeffery anak Menggu. (2003). “Aya Du.” Dalam Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samaranan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.
- Julie H.G. (2018). *Directorate For Education and Skills: New Technologies and 21<sup>st</sup> century children: Recent trends and outcomes*. OECD Education Working Paper.Vol 179.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2020). *Dokumen Standard Bahasa Malaysia Tahun 2*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Buku Panduan Guru, Bahasa Malaysia Tahun 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Fuad Abd Rahman & Zamri Mahamod. (2018). *Aplikasi, sikap dan masalah murid di SJK Tamil (PdPc) bahasaMelayu berkonsepkan Flipped Classroom*. Prosiding Seminar Penyelidikan Kebangsaan 2018: 356-365.Tanjung Malim: Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mok Soon Sang. (2010). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran Dan pembelajaran*. Ipoh Perak:Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Rahman, A. A. (2023). Pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan projek untuk meningkatkan kemahiran membina ayat secara kolaboratif. *Jurnal Pendidikan Universiti Malaysia Pahang*.
- Nor Aslina Mamat. (2007). *Memindahkan Maklumat: PNI Neorun*. Sdn. Bhd.
- Sam, M. C., Jamaludin. B, Mohamed. A. E. (2011). *Masalah Pengajaran Kemahiran Berbahasa di Sekolah Di Indonesia*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1(1), 109-122.
- Zamri Mahamod & Magdeline anak Nor. 2018. *Penguasaan pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa Iban*. GEMA Online Journal of Language Studies, 12 (2): 593–6.